



Kod etika perniagaan

Disemak Februari 2016

Kod etika perniagaan

Semua unit perniagaan dan pekerja Smiths adalah tertakluk kepada kod etika ini. Pematuhan kepada kod ini dapat membantu mengekalkan dan meningkatkan reputasi baik syarikat dan juga menyumbang kepada penciptaan nilai jangka panjang untuk pemegang saham. Kita percaya setiap pekerja memainkan peranan penting dalam membina dan mengukuhkan syarikat ini secara keseluruhan. Kita mengamalkan dasar polisi pintu terbuka: Pekerja yang melaporkan sebarang perilaku salah atau kelakuan yang tidak beretika akan dilayan dengan adil tanpa diskriminasi.



Pengenalan

Sebagai syarikat antarabangsa, Smiths berinteraksi dengan pelanggan, pemegang saham dan pembekal dari seluruh dunia. Kumpulan tersebut, termasuk organisasi dan individu lain yang berkaitan dengan syarikat kita mengambil perhatian terperinci terhadap tindak laku kami.

Pendapat mereka terhadap Smiths dipengaruhi oleh perilaku kami. Reputasi baik bukan sahaja penting, ia juga merupakan satu keperluan bagi memastikan kejayaan yang berterusan. Penentu utama reputasi ini bergantung kepada tindak laku kami, sama ada secara individu atau kolektif.

Dalam dunia yang kompleks ini, adalah tidak praktikal untuk menetapkan peraturan spesifik untuk setiap situasi. Walau bagaimanapun, setiap pekerja Smiths boleh merujuk kepada Kod etika perniagaan yang telah diperuntukkan, sebagai panduan menghadapi urusan perniagaan.

Kod ini pertama kali diperkenalkan pada 2004 dan telah dikemas kini untuk menggambarkan cabaran hari ini. Ia menggariskan panduan menyeluruh yang perlu dicapai. Kod ini juga meliputi pelbagai bidang aktiviti yang berlainan. Kod ini tidak mungkin menyelesaikan setiap situasi yang dihadapi, walau bagaimanapun ia memberikan panduan asas kepada etika perilaku kami.

Kod ini direka bagi membantu kita untuk menetapkan interaksi dengan rakan sejawat, pemegang taruh luar dan juga para komuniti di mana kita saling bekerja dengan asas dan etika yang kukuh.

Objektif kita bukan sahaja untuk melindungi reputasi syarikat dan pelaburan pemegang saham, ia juga untuk memastikan pematuhan kepada setiap dasar undang-undang dan peruntukan kawal selia dipatuhi agar kepentingan setiap pekerja dapat dilindungi.

Polisi-polisi yang spesifik akan disokong oleh kod-kod Syarikat. Butiran lanjut mengenai kod etika perniagaan boleh didapati di intranet Syarikat. Ia menitik beratkan perilaku beretika dan bertanggungjawab sebagai satu bahagian penting dalam semua kerja kami. Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab peribadi setiap individu dan juga merupakan tugas penting bagi pengurusan barisan untuk memantau pematuhan.

Lembaga dan pengurusan eksekutif kanan Smiths telah mengesahkan dan menyokong Kod ini.

Setiap pekerja digalakkan menyertai latihan yang berkenaan bagi memastikan kefahaman sepenuhnya terhadap apa yang dikehendaki dan diperlukan oleh Kod tersebut.

Jika terdapat sebarang keraguan mengenai cara bertindak dalam situasi yang spesifik atau berhasrat untuk melaporkan sebarang perilaku yang bertentangan dengan Kod ini, terdapat beberapa cara untuk melakukannya.

Selain daripada talian aduan asas pihak pengurusan dan sumber manusia, talian aduan khusus yang sulit juga telah diwujudkan. Talian aduan khusus untuk negara yang tertentu telah dipaparkan pada poster di setiap lokasi. Rangkaian nombor aduan boleh juga didapati di laman intranet Smiths. Sebarang aduan juga boleh dibuat melalui e-mel.

Kita berjanji bahawa sesiapa sahaja yang ingin membangkitkan sebarang kebimbangan dengan niat yang baik, boleh melakukannya tanpa merasa takut terhadap tindak balas yang negatif.

Sebagai kesimpulan, adalah penting bagi Smiths dan rangkaian perniagaannya dilihat sebagai peserta yang bertanggungjawab dan beretika di dalam pasaran dunia. Saya memohon kepada setiap pekerja agar mendukung Kod etika dan berusaha menyumbang ke arah kejayaan besar syarikat ini.

Terima kasih

David Kuckelman
Naib Presiden Kanan
dan Penasihat
Undang-Undang
– Etika dan
Pematuhan,
Smiths Group plc



Kita mematuhi undang-undang

1.0 Pematuhan undang-undang

1.1 Smiths Group plc dan syarikat subsidiari ('Smiths'), para pekerja dan ejennya, diperlukan, sebagai standard minimum, untuk mematuhi setiap undang-undang dan peraturan di negara ia beroperasi.

Kita bersaing secara adil

2.0 Persaingan

2.1 Smiths percaya dengan persaingan secara adil dan kukuh di dalam sektor pasarannya. Smiths tidak melibatkan diri dengan perjanjian atau tindak laku perniagaan yang mengamalkan persaingan yang tidak beretika.

Segala urusan perniagaan dijalankan dengan integriti

3.0 Amalan Perniagaan Yang Betul

3.1 Tindak laku yang berintegriti pada setiap masa adalah diharapkan dari setiap pekerja Smiths agar rasa kepercayaan yang dipegang oleh pelanggan, pemegang saham, pembekal dan individu lain yang berkaitan dengan perniagaan syarikat dapat dikekalkan. Ini adalah untuk membantu melindungi pelaburan pemegang saham.

3.2 Mana-mana pekerja tidak boleh melakukan kerja-kerja luar, mengejar kepentingan kewangan atau melibatkan diri dalam sebarang perniagaan yang berpotensi menyebabkan berlakunya konflik kepentingan dengan tugas anda di Smiths.

3.3 Smiths tidak menawarkan, menjanjikan, memberikan, meminta atau menerima rasuah atau amalan tidak beretika lain untuk mendapatkan kelebihan dalam menjalankan urusan perniagaan.

3.4 Pekerja Smiths yang mempunyai akses kepada maklumat istimewa (termasuk maklumat proprietari atau sulit, sama ada milik Smiths atau pihak lain) dilarang daripada menggunakannya untuk mencapai keuntungan peribadi atau orang lain.

3.5 Pekerja Smiths mestilah memastikan penggunaan yang betul dan bertanggungjawab terhadap semua aset Smiths, termasuklah hak milik fizikal, aset tidak ketara, peralatan IT dan sumber komunikasi.

Kita memberikan layanan yang sepatutnya kepada pembekal, rakan kongsi dan pelanggan

4.0 Urusan dengan Pembekal, Rakan Kongsi Perniagaan dan Pelanggan

4.1 Pembekal Smiths dibayar dengan segera mengikut terma perniagaan yang dipersetujui.

4.2 Smiths berusaha untuk menyediakan produk dan perkhidmatan yang memenuhi atau melebihi keperluan para pelanggan, melalui penggunaan sistem pengurusan berkualiti dan program penerusan peningkatan prestasi. Ia direka cipta bagi membangunkan dan menggunakan idea inovatif, untuk bertindak balas dengan cepat kepada permintaan pelanggan yang berubah dan untuk meningkatkan kualiti, nilai dan masa penghantaran produk secara berterusan.

4.3 Smiths percaya dengan bekerjasama erat dengan pembekal ia dapat memenuhi jangkaan pelanggan, memastikan kualiti, nilai dan ketepatan masa melalui rangkaian bekalan perniagaan.

4.4 Pekerja Smiths mesti menghormati dan menurut terma yang dipersetujui dalam pengendalian teknologi, harta intelek, maklumat sulit dan sebarang aset atau data lain yang diterima oleh pelanggan, pembekal dan pihak lain dengan sewajarnya.

4.5 Ejen, pembekal, dan pihak lain yang bekerja mewakili Smiths digalakkan untuk mengamalkan prinsip perilaku pematuhan undang-undang dan beretika menurut nilai dan standard yang diperuntukkan di dalam kod ini.

Kita melayan rakan sekerja dengan penuh hormat

5.0 Pekerja

5.1 Smiths merekrut, memilih dan menaikkan pangkat pekerja berdasarkan kelayakan, kemahiran, kebolehan dan tindak laku.

5.2 Dalam keputusan pengambilan pekerja, Smiths mematuhi peraturan bidang kuasa anti diskriminasi yang berdasarkan bangsa, warna kulit, negara asal, jantina status perkahwinan, orientasi seksual, kepercayaan agama, umur atau ketidakupayaan secara fizikal mahupun mental.

5.3 Semua pekerja Smiths hendaklah dilayan dengan rasa hormat dan maruah mereka harus dijaga. Oleh itu, sebarang gangguan atau sikap membuli adalah ditegah sama sekali.

5.4 Smiths menghormati hak setiap pekerja untuk menyertai atau tidak menyertai persatuan dagangan atau organisasi perwakilan pekerja bona fide yang lain.

5.5 Smiths percaya dengan komunikasi yang baik dengan pekerja dan menggalakkan konsultasi, kerjasama bersekelompok dalam perkara mengenai kepentingan bersama.

Kita menyediakan persekitaran tempat kerja yang selamat, terlindung dan sihat

6.0 Kesihatan, Keselamatan dan Sekuriti

6.1 Smiths komited untuk menjalankan semua aktivitinya dengan amalan tahap kesihatan dan keselamatan tertinggi yang boleh dicapai.

6.2 Smiths berusaha untuk melindungi pekerja, aset fizikal, maklumat dan reputasi daripada potensi ancaman sekuriti.

Kita menghormati alam sekitar

7.0 Alam Sekitar

7.1 Smiths komited untuk meminimumkan kesan buruk terhadap alam sekitar yang berpunca dari aktiviti, produk dan perkhidmatannya.

Kita menyumbang kepada komuniti kita

8.0 Komuniti

8.1 Sebagai tambahan kepada penyediaan peluang pekerjaan serta aktiviti latihan dan pembangunan, Smiths berusaha untuk menyumbang kepada komuniti tempat ia beroperasi dengan menyertai, dan menyokong, inisiatif komuniti dan kebajikan.

8.2 Smiths membayar segala cukai yang timbul dengan sempurna sewaktu beroperasi apabila dan sampai masa waktu untuk dibayari.

Kita menyertai debat umum yang relevan

9.0 Aktiviti Umum

9.1 Apabila perlu, Smiths akan melibatkan diri dengan kerajaan, jabatan kerajaan, agensi dan organisasi lain yang berkaitan dengan isu yang memberi kesan kepada kepentingan perniagaannya yang sah, sama ada secara langsung atau melalui persatuan dagangan atau badan yang serupa.

Kita menghormati hak asasi manusia

10.0 Hak Asasi Manusia

10.1 Smiths berusaha untuk menyokong semua badan hak asasi manusia yang diiktiraf di peringkat antarabangsa di mana sahaja operasinya berada.

10.2 Smiths mematuhi semua garis panduan kerajaan yang berpatutan bagi memastikan produk tidak dijadikan sebagai senjata atau peralatan lain untuk tujuan keganasan atau untuk menyalahi hak asasi manusia.

Kita mempunyai standard penyimpanan rekod dan pelaporan yang tinggi

11.0 Pelaporan dan Kawalan Dalaman

11.1 Smiths merekodkan semua transaksi perniagaan dengan tepat, berhemat dan tulus, mengikut polisi perakaunan seperti yang dinyatakan dalam Laporan Tahunan & Akaun Smiths Group plc. Ia adalah selaras dengan amalan perakaunan terbaik.

11.2 Penilaian dan pengurusan risiko yang komprehensif, bersama dengan sistem kawalan dalaman yang kukuh, merupakan aspek asas bagi struktur Smiths, Ia bertujuan untuk memastikan segala proses pengurusan adalah efektif dan laporan yang disediakan adalah tepat.

11.3 Audit Dalaman Bebas, berfungsi untuk memantau dan melaporkan kepada Lembaga Smiths Group plc mengenai keberkesanan kawalan dalaman dan proses pengurusan risiko berterusan supaya dapat mengenal pasti, menilai dan mengurus risiko perniagaan yang signifikan.

Kod ini merangkumi semua pekerja Smiths

12.0 Penggunaan dan Pematuhan

12.1 Kod ini merangkumi semua Syarikat dan perkerja Smiths di seluruh dunia. Hanya maklumat yang perlu sahaja diterjemahkan dan ia disediakan dalam bentuk cetak oleh Jabatan Sumber Manusia. Ia juga boleh didapati dalam laman Intranet Syarikat. Jika pekerja didapati mengabaikan dan melanggar Kod Kumpulan, tindakan disiplin mungkin akan diambil.

12.2 Kod ini bukan bertujuan untuk menggantikan perniagaan atau polisi Kumpulan Smiths yang sudah tersedia ada. Kod ini bertindak sebagai dokumen pentadbiran di mana polisi yang lain harus mematuhi. Di samping polisi Kod Kumpulan dan perniagaan, Kod kita juga disertakan buku panduan latihan pertanyaan dan jawapan untuk bimbingan dan rujukan kita.

12.3 Syarikat Smiths terbabit dalam apa jua usaha sama atau perjanjian komersil, Smiths akan berusaha, setakat yang boleh dilakukan, untuk memastikan bahawa sarana gabungan ini mematuhi Kod kita.

12.4 Pekerja Syarikat Smiths digalakkan untuk membawa sebarang kekhawatiran mengenai kemungkinan berlakunya pelanggaran kod etika ini ke perhatian pihak pengurusan dengan segera. Mana-mana pekerja yang memberikan maklumat sedemikian melalui saluran yang betul, tidak akan berdepan dengan sebarang layanan yang buruk kerana pendedahan tersebut.



Mendapatkan Nasihat dan Melaporkan Isu

Sebarang pertanyaan, permintaan untuk bimbingan atau laporan pelanggaran yang didakwa berkaitan dengan Kod boleh dibangkitkan melalui beberapa laluan:

- Bercakap dengan penyelia atau pengurus barisan anda, atau dengan wakil Sumber Manusia tempatan anda
- Jika anda mahu membangkitkan isu ini di luar persekitaran kerja anda, hubungi:
 - Mana-mana ahli bahagian pengurusan dan Sumber Manusia atau penasihat undang-undang yang menyokong perniagaan anda
 - E-mel ethicsalertline@smiths.com
 - Hubungi Talian Bantuan Etika untuk negara atau wilayah anda, nombor yang dipaparkan pada poster di cawangan anda dan laman intranet Smiths Group, <https://online.smiths.com/functions-and-policies/ethics/>

Semua laporan dianggap sulit dan akan disiasat dengan teliti serta segera.

Tadbir Urus

Untuk meningkatkan keupayaan kita bagi mematuhi Kod ini, kita menyediakan Program Etika Perniagaan ('Program'). Lembaga Pengarah mempunyai tanggungjawab keseluruhan bagi Kod serta Program ini. Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah mempunyai tanggungjawab untuk memantau pelaksanaan Kod dan Program serta mematuhi peruntukan Kod ini. Majlis Jawatankuasa Pematuhan untuk Kod Etika Perniagaan bertanggungjawab menentukan keutamaan, menyemak isu-isu penting dan membuat cadangan kepada Jawatankuasa Audit.

smiths

Smiths Group plc
www.smiths.com

<https://online.smiths.com/functions-and-policies/ethics/ethicsalertline@smiths.com>